

19 OCT 2001

Abdullah-Disiplin

ABDULLAH INGATKAN ANGGOTA BN "KAWAL CAKAP" SEMASA DI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan anggota Parlimen Barisan Nasional supaya mengawal perkataan mereka semasa mengambil bahagian dalam perbahasan di persidangan Dewan Rakyat.

Abdullah, yang juga Ketua Whip BN, berkata mereka boleh berbahas tetapi perlu mengawal sedikit percakapan mereka.

"Hujahlah sepuas-puas hati dengan penuh semangat, tetapi perkataan yang keluar itu biarlah mengikut peraturan parlimen, tidak menghina dan bukan perkataan yang tidak sepatutnya dikeluarkan," katanya kepada pemberita pada persidangan media selepas pembentangan Belanjawaan 2002 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan pemberita mengenai tindakan seorang wakil rakyat BN, Datuk Bung Mokhtar Radin (Kinabatangan) Rabu lepas yang gagal mengawal emosi berikutan isu negara Islam yang dibangkitkan wakil DAP Chong Eng (Bukit Mertajam) semasa membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2001) peringkat jawatankuasa, lantas mengeluarkan perkataan kurang sopan.

Beliau bagaimanapun semalam telah menarik balik perkataan kurang sopan itu dengan menyatakan ia tidak ditujukan kepada sesiapa.

Abdullah berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan semua anggota penyokong kerajaan bagi membincangkan mengenai isu itu pada Isnin sebelum persidangan Dewan Rakyat dimulakan.

Ditanya sama ada tindakan akan diambil terhadap Bung Mokhtar, Abdullah berkata: " Kita tunggu apa penjelasan beliau. Yang jelas apa yang dilakukannya adalah salah."

Sementara itu Bung Mokhtar ketika ditemui, menganggap isu berkenaan telah selesai apabila beliau meminta maaf dan menarik balik ungkapan itu di Dewan Rakyat semalam.

Ungkapan itu bertujuan mempertahankan kerajaan, menjaga nama baik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta agama Islam, katanya.

Mengenai cabaran Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu yang mahukan anggota penyokong kerajaan mendedahkan nama menteri yang dikatakan tidak cekap, Bung Mokhtar berkata beliau akan mendedahkan nama menteri berkenaan sekiranya diminta.

Bagaimanapun, katanya, majoriti menteri kabinet yang ada pada masa kini telah menjalankan tugas masing-masing dengan baik termasuk Samy Vellu.

"Datuk Samy jangan terkilanlah dengan teguran kita, bak kata pepatah siapa makan cili dia terasa pedas," katanya.

-- BERNAMA

HK RZS RON